



SIARAN AKHBAR

23 OGOS 2022

GLOMAC BERHAD BERJAYA MENYERAHKAN RUMAH SELANGORKU SERI KENARI KEPADA PEMBELI

Sungai Buloh, 23 Ogos 2022 – Glomac Berhad telah berjaya menyiapkan 180 unit rumah bandar (townhouse) di bawah projek Rumah SelangorKu (RSKU) Seri Kenari walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran di awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semasa pandemik tercetus pada tahun 2019, pihak di sektor pembinaan termasuk Glomac Berhad, terkesan akibat PKP. Ini telah menjelaskan operasi syarikat secara keseluruhan. Dalam keadaan getir, Glomac Berhad masih berjaya menyiapkan serta menyerahkan RSKU Seri Kenari kepada pembeli.

Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Glomac Berhad, Datuk Seri Fateh Iskandar bin Tan Sri Dato' Mohamed Mansor berpendapat bahawa pandemik COVID-19 merupakan suatu jangka waktu yang begitu mencabar untuk semua industri. Namun begitu, Glomac tetap dengan komitmen menyalurkan sokongan terhadap inisiatif perumahan rakyat Kerajaan Negeri Selangor.

“Mahupun ada rintangan, kami tetap yakin kerjasama antara sektor kerajaan dan sektor swasta amat penting dalam menyediakan kemudahan asas untuk penduduk. Sejak tahun 2019, Glomac telah menyiapkan sejumlah 495 rumah mampu-milik di bawah program RSKU, termasuk RSKU Seri Kenari. Kami akan terus menyokong projek ini di masa hadapan,” kata Datuk Seri FD Iskandar di upacara penyerahan kunci kepada pembeli unit Seri Kenari hari ini.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan, Yang Berhormat Puan Rodziah Binti Ismail, menyerahkan kunci kepada pemilik rumah di majlis tersebut.

Turut hadir, Yang Berusaha Encik Mohd Hafiz Bin Hassan, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan) Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), dan Yang Berusaha Encik Zulkifly Garib, Ketua Pegawai Operasi (Operasi) Glomac Berhad

Sementara itu, YB Puan Rodziah Binti Ismail berkata, "Perkongsian pintar antara badan kerajaan dan sektor swasta merupakan kunci kejayaan sesebuah projek seperti RSKU. Saya sukacita melihat pemaju seperti Glomac Berhad memberi sokongan terhadap inisiatif kami untuk menyediakan perumahan mampu milik di kawasan pinggir bandar. Ini adalah objektif kami, iaitu untuk menyediakan perumahan mampu milik yang bermutu serta selesa buat pembeli dari golongan berpendapatan sederhana dan rendah."

Di majlis tersebut, YB Puan Rodziah serta delegasi, turut mengambil peluang menyelidik dan melawat beberapa unit rumah serta pemilik rumah.

Di bawah RSKU Seri Kenari, Glomac Berhad membina sejumlah 180 unit rumah bandar (townhouse) di mana setiap unit mempunyai tiga (3) bilik, satu (1) tandas dan satu (1) ruang parkir; dengan keluasan tanah berukuran 24' x 60' dan keluasan lantai berukuran 1,000 kaki persegi pada harga RM180,000 sebuah.

Bagi terus menyokong projek perumahan rakyat kerajaan Negeri Selangor, Glomac Berhad juga melancarkan suatu lagi projek RSKU dikenali sebagai Seri Kenanga, pada April 2022. Ia menawarkan 178 unit rumah bandar yang mana pendaftarannya masih dibuka.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di 03 – 7723 9000 atau e-mel Cik Anna Maria (annamaria@glomac.com.my) – Komunikasi Korporat Kumpulan, Pemasaran Korporat dan Laman web IT - www.glomac.com.my.